

**JPN PERAK**

**2020**

**Modul#learning@home**

**SEJARAH-K1**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**We Deliver**



**TINGKATAN**

**4**



**BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA**

**1.1 : Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat ms 4**


1 Rajah di bawah menunjukkan ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu.



Apakah ciri X ?

- A Kesenian
  - B Pembesar
  - C Undang-undang
  - D Agama dan kepercayaan
- 2 Bagaimanakah wilayah pengaruh dalam Kerajaan Alam Melayu ditentukan?ms4
- A Melalui sempadan yang dipersetujui semua pemerintah
  - B Melalui penerimaan pemerintahan seseorang raja.
  - C Melalui sungai yang memisahkan wilayah
  - D Melalui perjanjian bertulis pemerintah

- 3 Gambar berikut merupakan Inskripsi Telaga Batu yang wujud dalam Kerajaan Alam Melayu. (ms 4)



Mengapakah inskripsi ini penting kepada kerajaan Srivijaya?

- A Upacara persetiaan antara pemerintah dan golongan diperintah
  - B Kewujudan agama Hindu dalam kerajaan Srivijaya
  - C Mengandungi undang-undang Srivijaya
  - D Kewujudan tulisan Sanskrit
- 4 Bagaimanakah rakyat Srivijaya menunjukkan kesetiaan kepada raja?ms4
- A Meminum air sumpah
  - B Menjalankan aktiviti korban
  - C Membayar wang perlindungan
  - D Menawarkan diri sebagai tentera
- 5 Konsep di bawah merupakan amalan yang digunapakai oleh seluruh wilayah pengaruh kerajaan Majapahit. Ms

Kutara Manawa

Apakah perkara penting yang terdapat dalam konsep di atas?

- A Kepercayaan
- B Undang-undang
- C Kekuasaan raja memerintah
- D Salasilah pemerintahan Majapahit

6 Antara berikut, apakah aspek yang diberi penekanan oleh Kerajaan Johor-Riau dalam meneruskan ciri-ciri negara bangsa daripada kerajaan sebelumnya? Ms 5

- A Hubungan dengan kerajaan lain
- B Pendidikan kepada rakyat
- C Kepentingan agama Islam
- D Pengukuhan kuasa raja

## 1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka


7 Berikut merupakan salah satu ciri negara dan bangsa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka . ms 6

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerajaan</li></ul> |
|--|

Bagaimanakah sebuah kerajaan muncul ?

- A Mempunyai raja
- B Kesetiaan rakyat
- C Kekuatan tentera
- D Memiliki wilayah yang luas

- 8 Rajah berikut menunjukkan hubungan timbal balik antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah ms6



Apakah X?

- A Mengekalkan keamanan
  - B Mewujudkan persefahaman
  - C Menjamin kesejahteraan rakyat
  - D Meningkatkan kemakmuran negara
- 9 Maklumat berikut menunjukkan hubungan yang terjalin antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan Dinasti Ming. ms 6

Kerajaan Dinasti Ming telah menghantar Laksamana Cheng Ho sebagai utusan bagi menjalinkan hubungan antara China dengan Melaka

Apakah kesan hubungan tersebut kepada Melaka?

- A Menggalakkan pelaburan asing
- B Memajukan pendidikan
- C Mendapat pengiktirafan
- D Meluaskan wilayah

10 Senarai berikut merupakan kawasan yang berada dalam wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka ms7

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Lingga</li><li>• Patani</li><li>• Kedah</li></ul> |
|---|

Bagaimanakah Melaka memperoleh kawasan tersebut ?

- A Paksaan
  - B Penaklukan
  - C Peperangan
  - D Persahabatan
- 11 Jadual berikut merupakan menunjukkan lambang kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan Malaysia ms7

<b>Kesultanan Melayu Melaka</b>	<b>Malaysia</b>
Cap mohor Nobat Regalia	Bunga Raya Lagu Negaraku Jata Negara

Apakah persamaan fungsi kedua-dua lambang tersebut ?

- A Mengiktiraf warisan bangsa
- B Merupakan identiti kerajaan
- C Melambangkan keagungan raja
- D Memantapkan kedudukan pemerintah

12 Berikut merupakan dua undang-undang bertulis yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka . **ms10**

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Mengapakah undang-undang tersebut penting ?


- A Memelihara perpaduan kaum
- B Menghalang pencerobohan
- C Mengukuhkan kerajaan
- D Memajukan ekonomi

### 1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

13 Apakah maksud 'Kawasan Pegangan' yang diamalkan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka? **Ms12**

- A Keistimewaan yang diberi oleh Pembesar Berempat
- B Kawasan yang dikurniakan oleh Sultan kepada pembesar
- C Kawasan Pembesar Berempat menjalankan hubungan diplomatik
- D Kawasan petempatan Sultan yang menjadi pusat undang-undang

14 Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka: **ms 8**



X ialah


- A Penghulu Bendahari
  - B Syahbandar
  - C Bentara
  - D Orang Kaya
- 15 Berikut merupakan tanggungjawab seorang Temenggung dalam Pentadbiran Sistem Pembesar Empat Lipatan. **Ms 9**
- A Panglima Angkatan Tentera
  - B Mengurus perbendaharaan negara
  - C Menjaga keselamatan Kota Melaka
  - D Ketua Turus Angkatan Tentera

16 Berikut adalah tugas pembesar peringkat jajahan di bawah pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. **ms9**

- I Menguruskan pentadbiran
- II Mengutip cukai
- III Pemangku sultan
- IV Mengawal perbendaharaan tanah jajahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Rajah berikut berkaitan undang-undang yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka. **ms10**



X merujuk kepada

- A Hukuman kesalahan
- B Undang-undang negeri
- C Urus niaga
- D Kekeluargaan

18 Berikut adalah peranan seorang nakhoda dalam Undang-Undang Laut Melaka:ms11

- I Perlu arif dalam ilmu pelayaran
- II Menentukan arah dan menjaga keselamatan kapal
- III Diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran
- IV Perintah nakhoda perlu dipatuhi oleh semua anak kapal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Pernyataan di bawah menunjukkan peranan individu yang terlibat dalam kegiatan perdagangan di Melaka. **ms 11**

Beliau bertanggungjawab mengukur kedalaman laut dan dianggap sebagai Temenggung di atas kapal.

Kenyataan di atas merujuk kepada:

- A Tukang Kanan
- B Jurumudi
- C Jurubatu
- D Awak-awak

#### 1.4 Peranan Pembesar dan Rakyat

20 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan peranan pembesar dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka? Ms12

- I Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah
- II Membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah
- III Mengutip hasil melalui sistem serah
- IV Memperkenalkan undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Pasangan manakah yang betul tentang peranan sultan dengan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka? **ms 12-13**

	<b>Sultan</b>	<b>Rakyat</b>
A	Menjaga keselamatan rakyat	Mengutip hasil melalui sistem kerahan
B	Menghadiri majlis umum	Menjadi pengdayung kapal perang
C	Memperkenalkan undang-undang	Membina istana dan jalan
D	Mewujudkan perpaduan rakyat	Mentadbir kawasan pegangan

22 Mengapakah rakyat mematuhi segala arahan dan tidak akan menderhaka kepada pemerintah? **Ms13**

- A Bimbang akan dibuang negeri
- B Bimbang dijadikan hamba abdi
- C Takut dihukum bunuh
- D Takut ditimpa tulah

- 23 Jadual di bawah adalah berkaitan golongan hamba dalam Kesultanan Melayu Melaka. **ms 13**

<ul style="list-style-type: none"><li>• X</li><li>• Hamba biasa</li><li>• Hamba berhutang</li></ul>
---

Apakah X?

- A Hamba dagangan  
B Hamba suruhan  
C Hamba abdi  
D Hamba raja
- 24 Konsep waadat merupakan pengikat yang kuat antara rakyat biasa dengan pemerintah dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka. **ms12**

Siapakah yang berwaadat dengan Demang Lebar Daun?

- A Sang Sapurba  
B Parameswara  
C Sultan Mansur Shah  
D Sultan Alauddin Riaayat Shah
- 25 Kesultanan Melayu Melaka mewarisi ciri-ciri negara bangsa daripada kerajaan Alam Melayu. **ms6**

Apakah nama kerajaan tersebut?

- A Kerajaan Angkor  
B Kerajaan Srivijaya  
C Kerajaan Majaphit  
D Kerajaan Kedah Tua

**SKEMA JAWAPAN BAB1 TINGKATAN 4**

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>M/S</b>
1	C	4
2	B	4
3	A	4
4	A	4
5	B	4
6	C	5
7	A	6
8	B	6
9	C	6
10	D	7
11	B	7
12	C	7
13	B	9
14	A	8
15	C	9
16	A	9
17	D	10
18	D	11
19	C	11
20	C	12
21	C	12-13
22	D	13
23	D	13
24	A	13
25	B	13